

04/03/2004

Medan ujian dan ukuran terhadap Pak Lah

A Kadir Jasin

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memeranjatkan banyak orang dengan kenyataan dan tindakan beliau sejak mengambil alih kepemimpinan negara pada 1 November lalu.

`Mr Nice Guy' rupa-rupanya tidak selembut seperti yang diandaikan umum. Orang baik dari Kepala Batas, Pulau Pinang, itu nyata lebih keras dan lebih tegas daripada yang dijangkakan.

Bermula dengan mesej `bekerja dengan saya bukan untuk saya' dan `beritahu saya apa yang saya perlu tahu dan bukan apa yang sedap saya dengar', Abdullah membuktikan yang `Mr Nice Guy' boleh menjadi `Tough Guy' dengan ketegasan yang tersendiri apabila diamanahkan dengan kuasa.

Kepantasan dan kesungguhan beliau melancarkan serangan terhadap ketidakcekapan birokrasi, rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta menyusun semula keutamaan perbelanjaan kerajaan memeranjatkan banyak pihak, khasnya pembangkang, aktivis sosial dan badan bukan kerajaan yang selama ini skeptikal terhadap keazaman kerajaan memerangi gejala berkenaan.

Namun Abdullah adalah orang yang pertama dan terawal mengakui bahawa wujud bahaya menaikkan semangat dan harapan rakyat tanpa memenuhi dengan secukupnya aspirasi mereka.

Dalam pertemuan eksklusif dengan penulis pada 30 Disember lalu di pejabatnya di Putrajaya, Perdana Menteri berkata beliau cukup sedar bahaya membuat kenyataan yang dianggap `populist' jika tidak disusuli tindakan.

Nyata daripada apa yang berlaku sejak itu bahawa Abdullah sudah mula mengotakan apa yang dikatakannya - seorang tokoh politik dan seorang gergasi korporat dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah, sebuah Suruhanjaya Khas Diraja ditubuhkan untuk menyiasat dan membuat perakuan bagi memperbaiki pasukan polis dan keutamaan perbelanjaan sektor awam disusun semula.

Sekarang perhatian umum, sama ada di kalangan yang menyokong kerajaan mahu pun yang menentangnya ialah melihat sejauh mana Abdullah bersedia mengubah `status quo' dan meletakkan batu asas baru pemerintahan negara dengan menyusun semula barisan kepemimpinan Barisan Nasional (BN) amnya dan Umno khasnya pada pilihan raya umum nanti.

Pilihan Raya Umum 2004 akan menjadi ujian dan ukuran mutakhir kesungguhan Abdullah membuat perubahan.

Namun Perdana Menteri boleh berasa lega dan selesa untuk membuat perubahan kerana ia bukanlah sesuatu yang luar biasa atau luar dugaan. Beliau sekadar menyambung proses pembentukan kepemimpinan yang diasaskan oleh empat Perdana Menteri sebelumnya.

Setiap Perdana Menteri baru membuat perubahan. Tun Dr Mahathir Mohamad menggugurkan banyak Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) serta menggantikan mereka dengan tokoh muda dan berpendidikan dalam pilihan raya pertamanya sebagai Perdana Menteri pada 1982.

Walaupun dicurigai oleh sebahagian pengundi bukan Melayu kerana label `Malay Ultra' (Pelampau Melayu) yang diberikan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Dr Mahathir dengan bantuan timbalannya, Tan Sri Musa Hitam, memperoleh mandat besar.

Barisan Nasional menang 132 daripada 154 kerusi Parlimen dengan bakinya diperolehi oleh DAP (sembilan), Pas (lima) dan calon bebas (lapan).

Bagi Dewan Undangan Negeri di Semenanjung, BN memperoleh 281 kerusi, Pas (18), DAP (12) dan calon bebas satu.

Daripada barisan perwakilan baru dan muda itulah, Dr Mahathir membentuk pasukan beliau pada peringkat Pusat dan negeri yang sebahagian daripadanya kekal hingga ke hari ini.

Abdullah sendiri dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh selepas pilihan raya itu dan diletakkan di bawah sayap Dr Mahathir sendiri selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seandainya Abdullah tidak melakukan perubahan secukupnya kepada barisan calon BN, khasnya Umno, beliau mungkin tidak dapat meyakinkan pengundi, khasnya pengundi muda bahawa beliau serius membuat perubahan.

Ada pemerhati dan pengkaji politik yang mengharap Abdullah mengemukakan antara 30 hingga 50 wajah baru di kalangan calon BN kerana hanya dengan nisbah yang sedemikian saja beliau berupaya meyakinkan pengundi bahawa beliau bersungguh-sungguh mahukan perubahan.

Jika benar dakwaan bahawa Umno sudah pulih sepenuhnya daripada krisis 1998 dan parti itu menyokong pembentukan kerajaan yang bersih dan cekap, maka Abdullah tidak akan menghadapi banyak masalah mengucapkan terima kasih kepada pemimpin yang sedia ada dan memberi peluang kepada yang lebih muda.

Tindakan beliau yang tegas terhadap rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa seharusnya menjadi isyarat kepada banyak pemimpin Umno dan BN untuk menilai diri dan berundur secara sukarela.

Gesaan, seruan dan rayuan supaya pengundi menyokong parti dan bukan individu tidak akan terjawab jika kewibawaan calon BN dicurigai atau dipertikaikan.